



15 November 2017  
15 November 2017  
P.U. (A) 350

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (KOS) 1969

*INSOLVENCY (COSTS) RULES 1969*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA INSOLVENSII 1967

[AKTA 360]

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (KOS) 1969

(Dibuat di bawah seksyen 123)

(Disemak—2017)

*Disemak oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah seksyen 13 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

Disemak sehingga ... .. 1 November 2017

Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat  
kuasanya edisi semakan ini ... .. 15 November 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta*  
bagi edisi semakan ini ... .. 15 November 2017

---

Dibuat pada 12 Mac 1969 sebagai P.U. (A) 200 tahun 1969

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (KOS) 1969

---

SUSUNAN KAEDAH

---

Kaedah

1. Nama

PERATURAN-PERATURAN AM UNTUK PENETAPAN

2. Budi bicara Pegawai Penetapan mengenai fi dan elaun

3. Kos

4. Saraan peguam cara

5. Fi mahkamah dan pembayaran lain

6. Elaun yang dibenarkan oleh mahkamah

7. Pengemukakan baucer pada masa penetapan

8. Bil kos

9. Fi bagi membuat afidavit atau dokumen lain

10. Tiada arahan bagi suatu afidavit yang dibuat oleh peguam cara atau kerani

11. Elaun bagi arahan, membuat afidavit, dsb.

12. Tiada fi yang dibenarkan bagi penyerahan dokumen, penyampaian dan notis jika peguam cara yang sama adalah bagi kedua-dua pihak

13. Tiada fi yang dibenarkan bagi penetapan jika peguam cara yang sama adalah bagi kedua-dua pihak

14. Penetapan bil kos bagi peguam cara yang sama yang diguna khidmat bagi dua orang atau lebih

15. Folio

16. Fi am

17. Bantahan kepada penetapan bil kos

18. Semakan penetapan bil kos

19. Permohonan kepada hakim untuk suatu perintah untuk semakan penetapan

20. Tiada keterangan lanjut melainkan jika diarahkan selainnya oleh hakim

21. Elaun kepada saksi

JADUAL

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (KOS) 1969

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 123 Akta Insolvensi 1967 [Akta 360], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

[27 Jun 1969]

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Insolvensi (Kos) 1969**.

PERATURAN-PERATURAN AM UNTUK PENETAPAN

**Budi bicara Pegawai Penetapan mengenai fi dan elaun**

2. Semua fi atau elaun yang merupakan budi bicara boleh, melainkan jika diperuntukkan selainnya, dibenarkan menurut budi bicara Pegawai Penetapan, yang, pada menjalankan budi bicara itu, hendaklah mengambil kira fi dan elaun lain kepada peguam cara, dan peguam jika ada, berkenaan dengan kerja yang baginya mana-mana elaun itu terpakai, jenis dan mustahaknya perkara itu, amaun yang terlibat, kepentingan pihak-pihak, estet atau orang yang akan menanggung kos itu, perjalanan am dan kos prosiding itu dan segala hal keadaan lain.

**Kos**

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual ini, segala kos yang dilakukan dengan sewajarnya di bawah peruntukan Akta atau Kaedah-Kaedah boleh dibenarkan mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012].

**Saraan peguam cara**

4. Berkenaan dengan urusan yang berkaitan dengan penjualan, pembelian, pajakan, gadai janji dan perkara pemindahhakan lain, dan berkenaan dengan urusan lain yang tidak dijalankan di dalam mahkamah atau di dalam kamar, dan yang bukan selainnya urusan bertikaian, saraan peguam cara hendaklah (sekiranya tiada apa-apa perkiraan yang berlawanan) dikawal selia dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166],

dan di Negeri-Negeri lain menurut peruntukan undang-undang yang bersamaan yang berkuat kuasa di Negeri-Negeri lain itu:

Dengan syarat bahawa, berkenaan dengan penjualan harta yang digadai janji, saraan peguam cara Ketua Pengarah Insolvensi boleh dibayar hanya daripada hasil jualan itu sahaja.

### **Fi mahkamah dan pembayaran lain**

5. Semua fi mahkamah dan pembayaran sewajarnya yang lain boleh dibenarkan sebagai tambahan kepada saraan yang diperuntukkan dalam Jadual ini.

### **Elaun yang dibenarkan oleh mahkamah**

6. Elaun tambahan bagi lamanya masa persidangan, atau elaun lain yang ditambah yang selaras dengan Jadual ini, boleh dibenarkan:

Dengan syarat bahawa apa-apa elaun sedemikian hendaklah diperintahkan dan diperakui oleh mahkamah pada masa itu, jika tidak segala caj itu tidak boleh dibenarkan.

### **Pengemukakan baucer pada masa penetapan**

7. Baucer untuk semua pembayaran hendaklah dikemukakan pada masa penetapan, jika tidak pembayaran itu tidak boleh dibenarkan.

### **Bil kos**

8. (1) Bil kos hendaklah dibuat atas kertas yang bermutu tinggi dengan saiznya lebih kurang 297mm. (11.69 inci) panjang, 210mm. (8.27 inci) lebar, mempunyai suatu birai tidak kurang daripada 1 inci lebar yang dibiarkan kosong di kedua-dua belah kertas itu dan hendaklah ditulis membujur pada sebelah muka sahaja, dengan membezakan, dengan memasukkan dalam ruang yang berasingan, kos yang dibayar sendiri daripada caj bagi kerja yang telah dilakukan dan masa yang telah digunakan.

(2) Tarikh hendaklah diberikan bagi setiap butiran, tetapi tarikh itu tidak boleh ditulis di sebelah tepi kerana tepinya itu hendaklah dibiarkan kosong untuk penetapan.

**Fi bagi membuat affidavit atau dokumen lain**

9. Fi yang dibenarkan bagi membuat apa-apa affidavit atau dokumen lain hendaklah termasuk apa-apa salinan yang dibuat bagi kegunaan peguam cara, atau ejen, atau bagi peguam menyelesaikannya.

**Tiada arahan bagi suatu affidavit yang dibuat oleh peguam cara atau kerani**

10. Tiada arahan bagi sesuatu affidavit boleh dibenarkan apabila affidavit itu dibuat oleh peguam cara atau keraninya.

**Elaun bagi arahan, membuat affidavit, dsb.**

11. Elaun bagi arahan dan membuat sesuatu affidavit bagi menjawab interogatori dan affidavit khas lain, dan bagi menemui deponen untuk mengangkat sumpah, hendaklah termasuk semua pertemuan dengan deponen untuk menyelesaikannya dan membacanya.

**Tiada fi yang dibenarkan bagi penyerahan dokumen, penyampaian dan notis jika peguam cara yang sama adalah bagi kedua-dua pihak**

12. Fi yang dibenarkan bagi penyerahan dokumen, penyampaian dan notis tidak boleh dibenarkan apabila peguam cara adalah sama bagi kedua-dua pihak, melainkan jika perlu bagi maksud membuat suatu affidavit penyampaian.

**Tiada fi yang dibenarkan bagi penetapan jika peguam cara yang sama adalah bagi kedua-dua pihak**

13. Fi yang dibenarkan bagi penetapan tidak terpakai jika peguam cara yang sama adalah bagi kedua-dua pihak.

**Penetapan bil kos bagi peguam cara yang sama yang diguna khidmat bagi dua orang atau lebih**

14. Jika peguam cara yang sama diguna khidmat bagi dua orang atau lebih yang mempunyai kepentingan yang sama, dan kertas yang berasingan diserahkan, atau jika prosiding lain telah diadakan oleh atau bagi dua orang atau lebih secara berasingan, Pegawai Penetapan hendaklah menimbang pada menetapkan bil kos peguam cara itu, sama ada antara pihak dengan pihak, atau antara peguam cara dengan klien, sama ada kertas yang berasingan itu atau prosiding yang lain itu adalah perlu atau wajar; dan jika pada pendapatnya bahawa apa-apa bahagian kos yang berbangkit oleh sebab yang demikian telah dilakukan dengan tidak perlu atau dengan tidak wajar, bahagian kos itu tidaklah boleh dibenarkan.

**Folio**

15. Sesuatu folio hendaklah mengandungi seratus perkataan, dengan tiap-tiap angka yang terkandung dalam sesuatu ruang atau yang dibenarkan digunakan dikira sebagai satu perkataan.

**Fi am**

16. (1) Pegawai Penetapan boleh membenarkan suatu fi am bagi arahan untuk perbicaraan, mendapatkan autoriti, menemui saksi, dan bagi mendapatkan keterangan dan menyediakan kes, dengan mengambil kira segala hal keadaan kes itu dan soal yang terlibat.

(2) Fi tidak boleh dibenarkan bagi lebih daripada seorang peguam bela bagi suatu pihak melainkan jika dibenarkan oleh mahkamah dengan perakuan pada masa pendengaran itu atau dalam masa tujuh hari selepasnya.

(3) Fi yang disebut dalam subkaedah (2) boleh dibenarkan walaupun kedua-dua peguam bela itu merupakan anggota bagi firma peguam bela dan peguam cara yang sama.

(4) Jika perakuan itu diberikan, apa-apa fi sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Pendaftar boleh dibenarkan bagi konsultasi, pendapat, penerangan dan peringatan berkenaan dengan peguam bela yang kanan.

### **Bantahan kepada penetapan bil kos**

17. Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa yang dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh Pegawai Penetapan dalam apa-apa bil kos yang ditetapkan olehnya daripada kesemua atau mana-mana bahagian bagi mana-mana butiran boleh mengemukakan suatu bantahan bertulis kepada Pegawai Penetapan terhadap apa yang dibenarkan atau tidak dibenarkan itu pada bila-bila masa sebelum perakuan atau alokatur itu ditandatangani, dengan menyatakan di dalamnya dengan suatu senarai yang pendek dan ringkas butiran atau bahagiannya yang dibantah dan alasan dan sebab bagi bantahan itu, dan kemudiannya dia bolehlah memohon kepada Pegawai Penetapan supaya membuat semakan penetapan berkenaan dengannya.

### **Semakan penetapan bil kos**

18. Apabila diterima permohonan itu Pegawai Penetapan hendaklah menimbang semula dan menyemak penetapannya mengikut bantahan itu, dan dia boleh, jika difikirkannya patut, menerima keterangan lanjut mengenainya dan, jika dikehendaki sedemikian oleh peguam cara atau mana-mana orang yang berkepentingan dia hendaklah menyatakan, sama ada dalam perakuan penetapan atau alokaturnya atau dengan merujuk kepada bantahan itu, alasan dan sebab keputusannya ke atasnya dan apa-apa fakta atau hal keadaan khas yang berhubungan dengannya.

### **Permohonan kepada hakim untuk suatu perintah untuk semakan penetapan**

19. Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan perakuan atau alokatur Pegawai Penetapan mengenai apa-apa butiran atau bahagiannya yang telah dibantah seperti yang disebut terdahulu, boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh perakuan atau alokatur itu atau apa-apa masa lain sebagaimana yang dibenarkan oleh mahkamah atau hakim atau Pegawai Penetapan pada masa dia menandatangani perakuan atau alokaturnya itu, memohon kepada hakim bagi suatu perintah untuk semakan penetapan mengenai butiran itu atau sebahagian daripada sesuatu butiran, dan hakim itu bolehlah apabila menerima permohonan itu membuat apa-apa perintah



yang difikirkannya adil; tetapi perakuan atau alokatur Pegawai Penetapan itu adalah terakhir dan muktamad mengenai semua perkara yang telah tidak dibantah mengikut cara yang disebut terdahulu.

**Tiada keterangan lanjut melainkan jika diarahkan selainnya oleh hakim**

20. Permohonan itu hendaklah didengar dan diputuskan oleh hakim atas keterangan yang telah dikemukakan kepada Pegawai Penetapan, dan tiada keterangan lanjut boleh diterima apabila permohonan itu didengar melainkan jika diarahkan selainnya oleh hakim.

**Elaun kepada saksi**

21. Elaun kepada saksi dalam prosiding kebangkrapan hendaklah mengikut elaun yang pada masa ini biasanya dibenarkan dalam prosiding lain di Mahkamah Tinggi.

---

JADUAL

<b>BIL KOS BAGI PEGUAM CARA PENGHUTANG</b>		
<i>No</i>	<i>Butiran</i>	<i>Kos yang dibenarkan (RM)</i>
1.	<p>Arahan bagi petisyen penghutang, carian bagi petisyen terdahulu, menyediakan dan mengaku saksi petisyen, menghadiri penyerahan dan pendengaran petisyen, hadir di hadapan Ketua Pengarah Insolvensi bersama-sama dengan deposit, setelah memberinya segala maklumat yang perlu selepas perintah kebangkrapan dibuat dan apabila pemeriksaan awal penghutang dijalankan, menyediakan bil kos, mendapatkan janji temu untuk penetapan kos, dan salinan notis mengenai dan kehadiran untuk penetapan kos (tidak termasuk fi mahkamah dan perbelanjaan sewajarnya)</p> <p>Nota: Jika sesuatu petisyen terdahulu telah terlepas perhatian tiada kos atau caj kemudian daripada tarikh carian boleh dibenarkan dan apa-apa jumlah wang yang dibayar atas sebab petisyen terdahulu telah terlepas perhatian hendaklah dibayar semula kepada pemiutang</p>	120

	atau kepada Ketua Pengarah Insolvency, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dibuktikan bahawa carian yang semunasabahnya teliti tidak dapat mendedahkan petisyen terdahulu itu	
2.	Arahan bagi dan penyediaan persetujuan kepada perintah kebangkrutan atas petisyen pemiutang jika perintah kebangkrutan dibuat dengan persetujuan dalam masa empat belas hari selepas penyampaian petisyen  Jika aset diperakui oleh Ketua Pengarah Insolvency kemungkinan melebihi RM10,000.00	50  menurut budi bicara
3.	Menemui Ketua Pengarah Insolvency apabila perintah kebangkrutan dibuat, dan memberinya segala maklumat yang perlu	20
4.	Surat, pengutus, dsb.  Caj di bawah butiran 2, 3 dan 4 tidak boleh dibenarkan dalam hal yang termasuk di bawah butiran 1	8
<i>Kos peguam cara penghutang apabila memfailkan pengisytiharan ketidakupayaan untuk membayar</i>		
5.	Arahan bagi menyediakan dan mengaku saksi pengisytiharan ketidakupayaan untuk membayar, termasuk affidavit identiti penghutang (jika dikehendaki)	20
6.	Menghadiri pemfailan  Caj di bawah butiran 5 dan 6 tidak boleh dibenarkan dalam hal yang termasuk di bawah butiran 1 atau jika penghutang kemudiannya memfailkan petisyen penghutang  Perbelanjaan bagi penyerahhakan tidak boleh dibenarkan jika suatu pengisytiharan ketidakupayaan mencukupi bagi maksud itu	8
<b>BIL KOS PEGUAM CARA PEMIUTANG PEMPETISYEN</b>		
<i>Jika perbuatan kebangkrutan ialah ketidakpatuhan dengan suatu notis kebangkrutan</i>		
7.	Arahan bagi dan menyediakan notis dan menyediakan permintaan supaya dikeluarkan	20
8.	Menghadiri pemfailan	8
9.	Notis dan dua salinan bersih	8
10.	Menghadiri pemeteraian notis dan salinan	8
11.	Penyampaian notis	8

12.	Afidavit bagi penyampaian notis (jika perlu) dan menghadiri angkat sumpah  Jika penghutang mengemukakan tuntutan balas atau selainnya mempertikaikan kesahan notis itu, segala caj yang perlu sebagai tambahan kepada yang disebut di atas hendaklah dibenarkan bagi penatapan afidavit, afidavit jawapan atau mendapatkan keterangan lisan, dan suatu fi pendengaran menurut budi bicara boleh ditambah	8
<i>Prosiding bagi petisyen</i>		
13.	Arahan bagi petisyen	30
14.	Memeriksa butir-butir akaun pemiutang pempetisyen  Jika perbuatan kebangkrapan ialah keingkaran yang dibuat terhadap notis kebangkrapan yang telah dikeluarkan oleh peguam cara kepada pempetisyen, caj yang terkemudian tersebut ini tidak boleh dibenarkan  Jika perbuatan kebangkrapan berbangkit di bawah perenggan 3(1)(a), (b), (c), (d) atau (g) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360], kehadiran khas (jika perlu) untuk memeriksa saksi tentang fakta yang boleh buktikan oleh mereka hendaklah dibenarkan, caj yang baginya dan bagi memanggil saksi, atau bagi afidavit, hendaklah menurut budi bicara dan bolehlah termasuk suatu fi pendengaran kepada peguam bela yang hadir untuk menyokong petisyen itu	8
15.	Carian bagi petisyen terdahulu  Nota: Jika sesuatu petisyen terdahulu telah terlepas perhatian tiada kos atau caj kemudian daripada tarikh carian boleh dibenarkan dan apa-apa jumlah wang yang dibayar atas sebab petisyen terdahulu telah terlepas perhatian hendaklah dibayar semula kepada pemiutang atau kepada Ketua Pengarah Insolvensi, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dibuktikan bahawa carian yang semunasabahnya teliti tidak dapat mendedahkan petisyen terdahulu itu	8
16.	Menyediakan petisyen kebangkrapan	14
17.	Menulis - Jika petisyen melebihi 7 folio, bagi setiap folio	1
18.	Mengaku saksi tandatangan setiap pemiutang pempetisyen, kecuali jika pempetisyen adalah dalam perkongsian	8

19.	Jika pemiutang pempetisyen ialah suatu syarikat atau perbadanan dengan meterai	20
20.	Menyediakan afidavit dan salinan bersih afidavit yang mengesahkan petisyen	6
21.	Menemui pempetisyen untuk diangkat sumpah	8
22.	Dua salinan petisyen untuk dimeterai, bagi setiap folio	1
23.	Menyediakan sepina dan menyampaikannya kepada saksi, atau berurusan dengan saksi bagi kehadiran mereka semasa penyerahan petisyen apabila perlu	20
24.	Pembayaran saksi (lihat kaedah 21)  Pemiutang pempetisyen tidak boleh dianggap sebagai saksi; dia tidak boleh dibayar bagi kehilangan masa tetapi hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan perjalanannya	
25.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi bersama-sama dengan deposit	3
26.	Menghadiri penyerahan petisyen dan penyiasatan pernyataan dalam petisyen oleh mahkamah	14
27.	Menyediakan perintah bagi pendengaran petisyen	6
28.	Penyampaian petisyen (lihat butiran 102)	
29.	Afidavit mengenai perbuatan kebangkrapan, termasuk menyediakan dan menghadiri angkat sumpah	4
30.	Afidavit hutang pempetisyen, termasuk menyediakan dan menghadiri angkat sumpah	4
31.	Jika penghutang bersetuju dengan suatu perintah kebangkrapan serta-merta, dan tidak mengguna khidmat peguam caranya sendiri - menyediakan dan mengaku saksi persetujuan, termasuk afidavit identiti (jika dikehendaki)	36
32.	Menghadiri mahkamah apabila petisyen didengar  Kehadiran lebih daripada sekali pada penyerahan atau pendengaran sesuatu petisyen kebangkrapan tidak boleh dibenarkan melainkan jika diperintahkan dan diperakui oleh mahkamah pada masa itu	30
33.	Menyediakan perintah kebangkrapan dan salinan dan menghadiri pelulusan	14
34.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi selepas perintah kebangkrapan dibuat, dan memberi Ketua Pengarah Insolvensi segala maklumat perlu	20

35.	Menghadiri mahkamah jika penangguhan diperintahkan	20
36.	Arahan bagi pelantikan penerima interim	20
37.	Menyediakan permohonan dan salinan permohonan	4
38.	Arahan bagi affidavit sokongan yang perlu, setiap satu	8
39.	Menyediakan affidavit sokongan, bagi setiap folio	2
40.	Salinan bersih, bagi setiap folio	1
41.	Menemui deponen, setiap seorang	8
42.	Menghadiri pemfailan affidavit	8
43.	Menghadiri mahkamah apabila permohonan didengar	30
44.	Menyediakan perintah dalam dua salinan dan menghadiri untuk kelulusan	8
45.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi bersama-sama dengan perintah, membayar deposit, dan memberikan segala maklumat perlu	20
46.	Surat, pengutus, dsb.	budi bicara
<i>Kos bagi penyampaian ganti jika penghutang menjauhkan diri untuk mengelakkan penyampaian</i>		
47.	Menyediakan dan membuat permohonan kepada mahkamah bagi penyampaian ganti, termasuk kehadiran dahulu untuk penyampaian yang tidak berkesan kerana penghutang telah menjauhkan diri dan tidak dapat disampaikan kepadanya secara ke diri (termasuk caj)	20
48.	Menyediakan affidavit tentang fakta, menunjukkan ikhtiar yang sewajarnya telah diambil untuk melaksanakan penyampaian ke diri, bagi setiap folio	2
49.	Salinan bersih affidavit, bagi setiap folio	1
50.	Hadir untuk mengangkat sumpah dan memfailkan affidavit dan untuk memperoleh perintah untuk penyampaian ganti dan menyediakan perintah	20
<i>Jika penghutang mempertikaikan pernyataan dalam petisyen</i>		
51.	Menemui pempetisyen jika penghutang telah melalui notis atau affidavit mempertikaikan pernyataan dalam petisyen  (Kehadiran khas untuk memeriksa saksi dan bagi memanggil saksi, dan fi “penyediaan”, jika perlu)	8  menurut budi bicara
52.	Menghadiri mahkamah apabila perintah kebankrapan dibuat	10

<i>Jika penghutang dikehendaki oleh mahkamah bagi mengikat suatu bon</i>		
53.	Hadir untuk menjalankan siasatan tentang kecukupan penjamin	20
54.	Menyediakan kecualian kepada penjamin	6
55.	Menyampaikan kecualian kepada peguam cara penghutang	6
56.	Menghadiri mahkamah apabila penjamin dibenarkan atau tidak dibenarkan  Kos afidavit menentang terhadap kebenaran bon disebabkan ketidakcukupan penjamin hendaklah sama sebagaimana afidavit khas lain	20
<b>KOS KHAS</b>		
57.	Arahan bagi pelantikan seseorang pengurus khas	20
58.	Menyediakan permohonan dan salinan permohonan	8
59.	Arahan bagi afidavit sokongan, tidak melebihi tiga bilangannya, melainkan jika Pegawai Penetapan menimbangkan bahawa afidavit lanjut adalah perlu, setiap satu	8
60.	Menyediakan afidavit sokongan, bagi setiap folio	2
61.	Salinan bersih, bagi setiap folio	1
62.	Menemui deponen, setiap seorang	8
63.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi untuk menyerah simpan kertas, dan untuk mendapatkan janji temu untuk mendengar permohonan	8
64.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi apabila permohonan didengar  Caj sewajarnya bagi kehadiran selanjutnya ke atas pemiutang dan kerja lain yang perlu dilakukan oleh seseorang peguam cara berkaitan dengan pelantikan seseorang pengurus khas hendaklah dibenarkan, tetapi tiada kos boleh dibenarkan ke atas sesuatu permohonan yang tidak berjaya melainkan jika Ketua Pengarah Insolvensi memperakui bahawa kos permohonan itu patut dibenarkan	20
65.	Kehadiran di pemeriksaan awam jika difikirkan oleh mahkamah kehadiran itu perlu  Kos yang berikut selepas perintah kebangkrapan bolehlah dibenarkan atas suatu perakuan bertulis Ketua Pengarah Insolvensi bahawa kehadiran itu adalah perlu bagi	30

	kepentingan estet itu dan tidak boleh lebih melainkan jika dibenarkan olehnya secara khas	
66.	Menemui Ketua Pengarah Insolvensi setelah pemeriksaan awal bankrap jika Ketua Pengarah Insolvensi memperakui bahawa kehadiran itu adalah perlu bagi kepentingan pemiutang	50
67.	Kehadiran di mesyuarat pertama pemiutang jika Ketua Pengarah Insolvensi memperakui bahawa kehadiran itu adalah perlu bagi kepentingan pemiutang  Peguam cara pemiutang pempetisyen boleh dibenarkan segala caj sewajarnya pada kadar yang dinyatakan dalam skala bagi segala kerja yang diperakui oleh Ketua Pengarah Insolvensi sebagai telah dilakukan dengan semestinya atau dengan berfaedahnya bagi kepentingan pemiutang secara amnya bagi perlindungan atau faedah estet antara penyerahan petisyen dengan tarikh perintah kebankrapan	20
68.	Dalam hal luar biasa, Pegawai Penetapan boleh, atas suatu perakuan oleh Ketua Pengarah Insolvensi, membenarkan caj bagi apa-apa perkhidmatan sebelum penyerahan petisyen	
69.	Jika Ketua Pengarah Insolvensi mengguna khidmat peguam cara pemiutang pempetisyen atau peguam cara penghutang atau peguam cara lain untuk mengambil apa-apa langkah bagi perlindungan atau faedah bagi estet itu atau dalam perkara lain yang tidak termasuk dalam skala yang disebut di atas, kos itu hendaklah, dalam ketiadaan apa-apa perkiraan khas dengan Ketua Pengarah Insolvensi, tertakluk kepada penetapan di bawah "Pelbagai dan Am" butiran 96 dan yang berikut	
<b>PENETAPAN KOS PEMPETISYEN</b>		
70.	Menyediakan bil kos dan salinan, dan notis dan kehadiran pada penetapan—  Atas petisyen penghutang  Atas petisyen pemiutang (apabila kos tidak lebih daripada RM100.00)  Dengan suatu elaun tambahan jika kos lebih daripada RM100.00 atau 5% ke atas amaun bil tetapi tidak melebihi RM50.00  Tiada caj, kecuali caj yang termasuk di bawah butiran 1 hingga 69 boleh dibenarkan dalam hal petisyen	20  20

	<p>penghutang atau petisyen pemiutang yang tidak ditentang melainkan jika dalam hal petisyen pemiutang yang tidak ditentang itu Pegawai Penetapan menimbangkan bahawa bagi sebab khas butiran tambahan boleh dibenarkan</p> <p>Jika petisyen itu ditentang, kos boleh dibenarkan sebagai tambahan bagi perkara perlu yang tidak diperuntukkan di bawah butiran 1 hingga 69; elaun itu hendaklah dibuat menurut skala itu dengan seberapa hampir yang boleh, atau dengan skala kos di Mahkamah Tinggi, menurut jenis prosiding</p>	
<b>KOS PEGUAM CARA PENGHUTANG</b>		
<i>Jika mahkamah membenarkan kos kepada penghutang apabila notis kebangkrapan diketepikan</i>		
71.	Arahan untuk memohon untuk mengetepikan notis kebangkrapan	8
72.	Menatap dan menimbangkan notis kebangkrapan	8
73.	Arahan bagi afidavit tuntutan balas	8
74.	Menyediakan afidavit tuntutan balas, bagi setiap folio	2
75.	Salinan bersih, bagi setiap folio	1
76.	Hadir untuk memfailkan, dan menyediakan permohonan bagi janji temu untuk mendengar dan notis	8
77.	Kos bagi afidavit lanjut, atau bagi mendapatkan keterangan lisan, dan bagi caj bersampingan lain yang dilakukan dengan sewajarnya, termasuk, jika perlu, suatu fi penyediaan	budi bicara
<i>Menghadiri mahkamah atas permohonan</i>		
78.	Jika permohonan didengar	30
79.	Jika permohonan ditangguhkan	14
80.	Menyediakan perintah dan salinan, menghadiri untuk kelulusan	8
81.	Surat, pengutus, dsb.	budi bicara
82.	Perbelanjaan peribadi penghutang bagi perjalanan dan kehilangan masa hendaklah dibenarkan mengikut skala bagi saksi	
<i>Jika mahkamah membenarkan kos kepada penghutang atas penolakan petisyen</i>		
83.	Menemui penghutang yang telah disampaikan dengan salinan petisyen dan menerima arahan untuk tunjuk sebab	8
84.	Menyediakan notis untuk tunjuk sebab	8



85.	Dua salinan bersih bagi penyampaian	3
86.	Hadir memfail	8
87.	Penyampaian ke atas pemiutang	3
88.	Penyampaian ke atas peguam cara pemiutang	3
89.	Menatap petisyen dan menimbangkan petisyen	8
90.	Kehadiran khas untuk memeriksa saksi dan bagi memanggil saksi dan fi penyediaan jika perlu	budi bicara
<i>Menghadiri mahkamah atas petisyen</i>		
91.	Jika petisyen didengar	30
92.	Jika petisyen ditangguhkan	14
93.	Menyediakan perintah dan salinan dan menghadiri untuk kelulusan	8
94.	Surat, pengutus, dsb.	budi bicara
95.	Elaun peribadi penghutang bagi perjalanan dan kehilangan masa (mengikut skala bagi saksi)	
<b>KOS PELBAGAI DAN AM</b>		
<i>Kos bagi hari perbicaraan ditangguhkan jika tiada amaun tetap disebut dalam perintah</i>		
96.	Hadir di mahkamah	20
97.	Menyediakan perintah dan kelulusan	8
98.	Notis kepada saksi, setiap seorang	3
99.	Pembayaran kepada saksi (mengikut kaedah 21)	
<i>Waran</i>		
100.	Waran, waran penyitaan atau waran geledah	10
101.	Dan jika lebih daripada empat folio, bagi setiap satu folio yang lebih daripada empat	3
<i>Penyampaian</i>		
102.	Penyampaian petisyen, perintah, notis atau proses lain setiap penyampaian	6
103.	Jika jaraknya lebih daripada dua kilometer, bagi setiap satu kilometer tambahan	1
104.	Penyampaian melalui pos termasuk bayaran pos	3
105.	Penyampaian khas di bawah suatu perintah	budi bicara
<i>Arahan</i>		
106.	Bagi pernyataan fakta, atau hal khas bagi pendapat mahkamah, hakim atau Pendaftar	20

107.	Bagi permohonan untuk mendapat arahan	8
108.	Bagi permohonan bagi penyampaian ganti	8
109.	Bagi apa-apa prosiding atau permohonan yang tidak selainnya diperuntukkan	8
110.	Bagi affidavit khas	8
111.	Bagi cadangan bagi skim perkiraan atau komposisi	8
112.	Bagi kes bagi pendapat peguam	8
<i>Menyediakan dokumen</i>		
113.	Tauliah atau perintah bagi pemeriksaan saksi di luar Malaysia, bagi setiap folio	2
114.	Perintah lain jika perlu, bagi setiap folio	2
115.	Cadangan bagi skim perkiraan atau komposisi, bagi setiap folio	2
116.	Permohonan bagi suatu janji temu di hadapan hakim atau Pendaftar, dan salinan	8
117.	Penerangan dan kes bagi pendapat peguam, bagi setiap folio	2
<i>Penetapan</i>		
118.	Saman dalam kamar oleh peguam cara bagi pihak yang padanya saman dalam kamar itu telah disampaikan	8
119.	Atau, jika melebihi 20 folio, bagi setiap folio	1
120.	Affidavit, deposisi dan ekshibit oleh peguam cara bagi pihak yang terhadapnya sedemikian itu boleh dibaca, bagi setiap folio	1
121.	Dokumen lain jika perlu, bagi setiap folio	1
<i>Kehadiran</i>		
122.	Atas permohonan bagi mendapat arahan	20
123.	Di mahkamah atas permohonan bagi waran, waran penyitaan atau waran geledah	20
124.	Mengarahkan pegawai tentang pelaksanaan waran, waran penyitaan atau waran geledah	8
125.	Untuk memfailkan affidavit	8
126.	Kehadiran am, setiap satu	8
127.	Kehadiran yang lama masanya dan khas (atau lebih, menurut budi bicara Pegawai Penetapan)	20
128.	Di mesyuarat pemiutang (selain mesyuarat pertama) atau di mesyuarat jawatankuasa perundingan apabila dibenarkan dan perlu, bagi setiap jam	40

<i>Surat, dsb.</i>		
129.	Menulis surat, setiap satu, biasa	4
130.	Menulis surat, setiap satu, khas (atau lebih mengikut budi bicara Pegawai Penetapan)	8
131.	Surat pekeliling, surat asal, jika biasa	4
132.	Surat pekeliling, surat asal, jika khas	8
133.	Bagi setiap salinannya, termasuk mengalamatkan dan mengeposkan atau menyerahkan, tidak melebihi 10	2
134.	Jika lebih daripada 10 bilangannya, surat hendaklah dicetak atau disalin dengan mesin – bagi setiap salinan yang dialamatkan dan dihantar, sebagai tambahan kepada caj pencetak	1
<b>FI BAGI BROKER DAN PELELONG</b>		
Segala caj yang berikut hendaklah tertakluk kepada pengurangan melalui persetujuan dengan Ketua Pengarah Insolvensi atau untuk dinaikkan dengan sanksi jawatankuasa perundingan, jika ada.		
<i>Elaun broker</i>		
Bagi inventori dan penilaian harta catel:		
	Ke atas RM3,000.00 yang pertama	1%
	RM3,001.00 hingga RM6,000.00	0.5%
	RM6,001.00 dan ke atas	0.25%
Sebagai tambahan, broker hendaklah berhak kepada perbelanjaan pengangkutan munasabah yang sebenarnya telah dibayar.		
<i>Caj pelelong</i>		
Bagi jualan secara kontrak persendirian berdasarkan penilaian, separuh daripada caj yang diberikan di atas bagi inventori dan penilaian.		
Bagi jualan secara lelongan, termasuk segala perbelanjaan kecuali kos pengiklanan surat khabar, pencetakan pekeliling, pengangkutan dan apa-apa perbelanjaan lain sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Pendaftar—		
Bagi harta catel —		
	Ke atas RM3,000.00 yang pertama	4%
	RM3,001.00 hingga RM6,000.00	3%
	RM6,001.00 dan ke atas	2%
Bagi estet, pegangan bebas, pegangan pajak, dsb., termasuk penilaian terdahulu bagi menentukan amaun bidaan rizab —		
	Ke atas RM3,000.00 yang pertama	1%
	RM3,001.00 hingga RM10,000.00	0.5%

	RM10,001.00 dan ke atas	0.25%
Kos bagi kerja mengukur, keusangan dan penentuan hendaklah menurut budi bicara.		

---

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA INSOLVENSI 1967

[AKTA 360]

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSI (KOS) 1969

(Dibuat di bawah seksyen 123)

(Disemak—2017)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii)  
Akta Penyemakan Undang-undang 1968 [Akta 1]*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 303/2017	Kaedah-Kaedah Insolvensi (Kos) (Pindaan) 2017	06-10-2017

---

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
P.U. (A) 200/1969	Kaedah <sup>2</sup> (Belanja) Kebankrapan, 1969

---

LAWS OF MALAYSIA  
INSOLVENCY ACT 1967  
[ACT 360]  
INSOLVENCY (COSTS) RULES 1969  
(Made under section 123)  
(Revised—2017)

*Revised by the Commissioner of Law Revision under  
section 13 of the Revision of Laws Act 1968 [Act 1]*

Revised up to	...	...	...	1 November 2017
Date appointed for coming into operation of this revised edition			...	15 November 2017
Date of publication in the <i>Gazette</i> of this revised edition			...	15 November 2017

---
